

PERKHIDMATAN KESIHATAN BIMA – TERMA DAN SYARAT PENGGUNAAN

PENGGUNAAN PERKHIDMATAN KESIHATAN BIMA MELALUI PANGGILAN TELEFON, SMS ATAU APA JUGA CARA LAIN ADALAH TERTAKLUK KEPADA PENERIMAAN DAN PERSETUJUAN ANDA TERHADAP TERMA AND SYARAT PENGGUNAAN PERKHIDMATAN INI. APABILA ANDA MEMOHON KONSULTASI DENGAN PENGAMAL PERUBATAN BERERTI ANDA BERSETUJU UNTUK TERIKAT OLEH TERMA DAN SYARAT YANG TERSENARAI DI SINI. ANDA TIDAK BOLEH MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN INI SEKIRANYA ANDA TIDAK BERSETUJU DENGAN TERMA DAN SYARAT YANG TERSENARAI.

1. Perkhidmatan Yang Disediakan

BIMA menghubungkan individu dengan pengamal perubatan (“Pengamal”) secara langsung melalui telefon bagi tujuan mendapatkan konsultasi kesihatan (“Telemedicine”). BIMA tidak menyediakan penjagaan kesihatan atau perkhidmatan perubatan atau sebarang perkhidmatan profesion berlesen. BIMA juga tidak campur tangan dengan urusan pengamal perubatan atau sebarang profesion berlesen. Sebaliknya, BIMA membolehkan akses kepada Pengamal yang telah bersetuju untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan pesakit kepada pelanggan yang menggunakan perkhidmatan BIMA. Pengamal berhak untuk menafikan penggunaan perkhidmatan ini jika terdapat potensi penyalahgunaan atau penyalahgunaan sebenar.

2. Penggunaan perkhidmatan kesihatan BIMA BUKAN UNTUK KES KECEMASAN

Perkhidmatan BIMA adalah bukan untuk kes perubatan yang berupa KECEMASAN atau yang memerlukan rawatan segera. Jika anda merasakan anda sedang mengalami sesuatu kecemasan perubatan anda mesti segera ke jabatan kecemasan/hospital atau berjumpa dengan doktor anda dengan segera. Jangan menangguhkan dari mendapatkan rawatan kecemasan semata-mata mahu mendapat nasihat dari doktor BIMA terlebih dahulu.

3. Hubungan anda dengan pengamal perubatan sedia ada

Interaksi anda dengan Pengamal BIMA melalui perkhidmatan telekonsultasi tidak bertujuan untuk mengambil-alih hubungan anda dengan pengamal perubatan anda yang sedia ada atau menjadi tempat utama anda untuk mendapatkan rawatan kesihatan. Anda perlu mendapatkan rawatan kecemasan atau rawatan susulan atau meneruskan konsultasi dengan pengamal perubatan asal anda atau professional kesihatan lain apabila disarankan oleh Pengamal BIMA.

Pengamal **BIMA mungkin akan merujuk anda kepada pengamal perubatan asal anda sekiranya**

- Anda sedang mengalami keadaan kecemasan atau yang membahayakan nyawa.
- Ada keperluan menilai semula keadaan kesihatan anda.
- Ada keperluan menilai semula rawatan dan ubat-ubatan anda.
- Anda mengalami gejala yang tidak diingini atau tidak dapat menyesuaikan diri dengan rawatan yang diberi sebelum ini.
- Terdapat tanda-tanda “bahaya” yang perlu dirawat segera.

4. Pengamal dan penjagaan pesakit

- Semua Pengamal (dokter dan jururawat) di platform kesihatan BIMA telah disaring oleh lembaga perubatan untuk memastikan hanya pengamal perubatan bertauliah disenaraikan.
- Semua Pengamal tersenarai di platform kesihatan BIMA adalah berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (dokter) dan Lembaga Jururawat Malaysia (jururawat) dan mempunyai perakuan amalan tahunan yang sah.
- Doktor pakar yang disenaraikan adalah mereka yang berdaftar dan mempunyai perakuan National Specialist Register (NSR).
- Selain daripada ketiadaan pemeriksaan fizikal, standard perkhidmatan telemedicine mestilah setaraf dengan konsultasi bersemuka.
- Preskripsi ubat dan permintaan penyiasatan makmal hanya boleh diberikan oleh **dokter**.
- Pengamal akan bertanggungjawab penuh bagi memastikan kata nama dan kata laluan mereka tidak dikongsikan bersama orang lain.

5. Preskripsi Ubat

- BIMA mempunyai dasar preskripsi ubat yang ketat yang diperkenalkan dan diselia oleh Lembaga Perubatan untuk memastikan preskripsi ubat yang selamat dan beretika.
- Untuk mendapatkan ubat daripada BIMA, pesakit adalah diwajibkan untuk mendapatkan konsultasi doktor diplatform kesihatan BIMA.
- Jika Pengamal memberikan preskripsi ubat, Pengamal akan mengikuti dasar preskripsi ubat BIMA dan juga segala undang-undang yang berkaitan. Pengamal hanya akan memberikan preskripsi ubat yang dirasakan perlu berdasarkan budi bicara profesionalnya. BIMA tidak menjamin sebarang preskripsi akan diberikan selepas proses konsultasi.
- Pengamal juga tidak menjamin ketersediaan ubat yang diberi dalam preskripsi boleh didapati di kawasan anda.
- Anda bersetuju bahawa preskripsi yang diberikan Pengamal kepada anda adalah untuk diri anda sendiri sahaja.
- Anda bersetuju untuk membaca sepenuhnya risalah atau maklumat ubat yang diberikan dan menghubungi pegawai farmasi atau pengamal perubatan sekiranya anda mempunyai pertanyaan berkenaan preskripsi anda.
- Untuk memastikan amalan perubatan yang selamat, doktor akan selalu:
 - a. Mendapatkan maklumat selengkap yang boleh and menilai keadaan pesakit sebaik mungkin sebelum memberikan preskripsi.
 - b. Sentiasa memberikan preskripsi secara selamat dan beretika.
 - c. Memastikan preskripsi adalah sah dan mempunyai maklumat pesakit yang lengkap.
 - d. Tidak memberikan preskripsi bagi kes yang merupakan kecemasan atau membahayakan nyawa kerana peranan telemedicine adalah bukan untuk merawat kes kecemasan.
 - e. Menghadkan preskripsi bagi tempoh maksimum 3 bulan.
 - f. Merujuk pesakit untuk konsultasi fizikal dan tidak meneruskan pemberian preskripsi sekiranya pesakit tidak menjalani konsultasi fizikal lebih dari 3 bulan.
 - g. Preskripsi tidak akan diberikan untuk ubat tidur atau ubat psikotropik.
 - h. Berhati-hati dengan penggunaan antibiotik dan berpandukan saranan Malaysian National Antimicrobial Guidelines.
 - i. Preskripsi antibiotik oleh Pengamal adalah dibenarkan didalam keadaan berikut:
 - i. Kehilangan preskripsi – gambar preskripsi asal yang sah diberikan oleh pesakit. Pengamal boleh memberikan preskripsi gantian tanpa sebarang perubahan dari preskripsi asal. Preskripsi asal mestilah bertarikh tidak lebih 7 hari.
 - ii. Sekiranya pesakit memerlukan tambahan antibiotik untuk melengkapkan durasi rawatan (contoh: tambahan ubat 3 hari untuk melengkapkan durasi 7 hari).
 - iii. Antibiotik yang diperlukan untuk profilaksis penyakit yang berterusan (contoh: ubat penicillin untuk penyakit jantung reumatik kronik).

- iv. Untuk keadaan klinikal dimana Pengamal yakin boleh dirawat tanpa pemeriksaan fizikal.

6. Makluman Persetujuan

Telemedicine adalah suatu cara penyampaian perkhidmatan kesihatan menggunakan teknologi audio dan/atau video secara interaktif dimana pesakit dan Pengamal tidak berada di lokasi fizikal yang sama. Semasa konsultasi bersama Pengamal, maklumat kesihatan atau perubatan peribadi mungkin dibincangkan menggunakan alat interaktif audio, video atau sebarang teknologi telekomunikasi dan Pengamal mungkin melakukan pemeriksaan fizikal melalui penggunaan teknologi berkenaan. Bergantung kepada maklumat perubatan atau kesihatan anda, anda mungkin diminta memberikan informasi melalui cara elektronik lain dan untuk mengesahkan identiti anda dengan kad pengenalan atau sebarang dokumen yang sah dari segi undang-undang.

7. Had/Batasan Telemedicine

Antara kelebihan perkhidmatan kesihatan BIMA adalah akses yang mudah untuk berhubung dengan pengamal perubatan. Walaubagaimanapun, terdapat potensi risiko apabila menggunakan perkhidmatan ini. Risiko itu termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- a. Telemedicine tidak bertujuan untuk merawat kes kecemasan perubatan. Pengamal mesti memastikan pengamalan telemedicine oleh mereka tidak melibatkan kes kecemasan atau kes membahayakan nyawa.
- b. Dalam sesetengah keadaan, informasi yang disampaikan mungkin tidak cukup berkualiti untuk membolehkan Pengamal membuat keputusan berkenaan kesihatan anda atau rawatan yang sewajarnya (contoh: kualiti suara atau gambar yang kurang memuaskan). Dalam keadaan begini, anda mungkin akan dirujuk balik kepada pengamal perubatan sendiri untuk pemeriksaan lanjut.
- c. Kelewatan dalam penilaian atau rawatan mungkin berlaku akibat kegagalan alat elektronik.
- d. Dalam keadaan tertentu, kesukaran mendapatkan maklumat perubatan atau informasi tidak lengkap dari pesakit mungkin mengakibatkan alahan atau kesan yang tidak diingini terhadap ubat yang diberi.
- e. Sistem elektronik yang digunakan BIMA mempunyai protokol keselamatan rangkaian dan perisian dan segala langkah akan diambil untuk melindungi keselamatan dan rahsia maklumat peribadi kesihatan anda. Walaubagaimanapun, tiada sistem elektronik, walau berapa canggih sekalipun, boleh memberi jaminan seratus peratus.

Dengan menerima terma penggunaan ini, anda mengakui bahawa anda memahami dan bersetuju dengan perkara berikut:

- Anda memahami bahawa anda boleh menjangkakan manfaat untuk diri anda dengan penggunaan perkhidmatan telemedicine, tetapi keputusan tidak boleh dijamin sepenuhnya.
- Anda memahami bahawa anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk mendapatkan rawatan kecemasan jika anda merasakan anda mengalami masalah kesihatan yang serius atau membahayakan nyawa.
- Anda memahami bahawa Pengamal anda, mengikut budi bicara dan pertimbangan profesionalnya, boleh menentukan bahawa perkhidmatan telemedicine tidak sesuai untuk sesetengah atau semua keperluan rawatan anda, dan dengan itu, boleh memilih untuk tidak menyediakan perkhidmatan telemedicine kepada anda melalui BIMA.